

SULIT



JABATAN PELAJARAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2009

1249/1

SEJARAH SPM

Kertas 1

OGOS/SEPT.

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. bagi setiap soalan. pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*


Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman.

SULIT

2

1249/1

- 1 Rajah berikut menerangkan pemerintah Tamadun Mesopotamia.



Sumbangan besar tokoh di atas adalah dalam bidang...

- A seni bina
 B perubatan
 C perundangan
 D kesusasteraan
- 2 Perkataan firaun berasal daripada perkataan *pharaoh* yang bererti rumah yang agung.

Bagaimanakah pemerintah Mesir mengekalkan keagungan rumah tersebut?

- A Mengadakan kawalan rapi
 B Membina tembok pertahanan
 C Mengadakan upacara keagamaan
 D Mengenakan cukai tanah dan harta
- 3 Maklumat berikut merujuk kepada keadaan ekonomi pada zaman Graceo-Roman.

Kadar cukai yang tinggi menyebabkan kenaikan harga barangan

Apakah tindakan rakyat Yunani untuk mengatasi masalah tersebut?

- A Menukar pekerjaan
 B Berpindah ke tempat lain
 C Mengusahakan pertanian
 D Berdagang dengan negara luar
- 4 Senarai berikut menunjukkan tokoh sasterawan tamadun Rom.

- Cicero (106 – 43 S.M.)
- Virgil (70 – 19 S.M.)

Apakah tujuan penulisan karya sastera mereka?

- A Mengagungkan pemimpin masyarakat
 B Meningkatkan semangat patriotisme
 C Menceritakan kisah peperangan
 D Menyampaikan ajaran agama

SULIT

3

1249/1

- 5 Maklumat berikut menunjukkan peranan Gunung Jerai dalam perkembangan Kedah Tua sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara.

Gunung Jerai menjadi panduan kapal pedagang yang keluar masuk pelabuhan Kedah Tua.

Apakah nilai yang dapat kaitkan dengan kewujudan Gunung Jerai tersebut?

- A Kebanggaan
 - B Kesyukuran
 - C Keberanian
 - D Ketabalan
- 6 Gambar berikut menunjukkan Prasasti Telaga Batu pada zaman Srivijaya.



Prasasti tersebut digunakan dalam upacara...

- A mengangkat sumpah
 - B melantik Brahmin
 - C menabalkan raja
 - D pemujaan tuhan
- 7 Senarai berikut merupakan tokoh yang penting dalam kehidupan Nabi Muhammad s.a.w..

- Halimatus Sa'diyah
- Abdul Muttalib Bin Hasyim

Apakah peranan mereka?

- A Menjaga Nabi Muhammad s.a.w. semasa baginda masih kecil
- B Mendorong Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyebarkan Islam
- C Memberi modal kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk berniaga
- D Menggalakkan Nabi Muhammad s.a.w. untuk bertahannuth di Gua Hiraq

1249/1


SULIT

SULIT

4

1249/1

- 8 Rajah menunjukkan penghijrahan umat Islam.



Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. dan Zaid bin Harithah merancang hijrah ke Taif?

- A Menyebarkan Islam
 B Mengelakkan peperangan
 C Mencari tempat perlindungan
 D Menjalin hubungan perdagangan
- 9 Senarai berikut menunjukkan Perjanjian Aqabah yang ditandatangani antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan orang Arab Madinah?

- Perjanjian Aqabah Pertama (621M.)
- Perjanjian Aqabah Kedua (622M.)

Mengapakah perjanjian di atas penting kepada sejarah Islam?

- A Agama Islam diterima oleh seluruh masyarakat Arab
 B Penyebaran Islam dapat dilaksanakan dengan aman
 C Kota Makkah ditawan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
 D Kerajaan Islam yang pertama diasaskan
- 10 Pernyataan berikut menunjukkan peristiwa yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah.

Baiah al-Ridwan


Apakah peristiwa yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Penawanan semula kota Makkah
 B Khabar angin kematian Uthman B. Affan
 C Kekecewaan terhadap perjanjian terdahulu
 D Kedatangan Suhail bin Amru untuk berunding

1249/1

SULIT

- 11 Rajah berikut menerangkan peranan khalifah dalam zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.



Antara berikut, khalifah manakah yang berjaya membanteras gerakan golongan al-Riddah?

- A Khalifah Ali Abu Talib
- B Khalifah Uthman Affan
- C Khalifah Umar al-Khattab
- D Khalifah Abu Bakar al-Siddiq


12

Semangat Ghazi menyebabkan agama Islam berjaya tersebar hingga ke Eropah

Apakah yang dimaksudkan dengan semangat ghazi?

- A Berkorban untuk negara
- B Berkorban untuk bangsa
- C Berkorban untuk perluasan kuasa
- D Berkorban untuk menyebarkan Islam

- 13 Rajah berikut menunjukkan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.



Apakah bukti yang dapat menyokong teori tersebut?

- A Seni ukir bangunan
- B Batu Bersurat Terengganu
- C Penulisan dan kesusasteraan
- D Perkampungan Islam di Sumatera

SULIT

6

1249/1

- 14 Pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh menghadapi ancaman agama Kristian.

Bagaimanakah Aceh berusaha menyekat perkembangan agama Kristian?

- A Menakluki kerajaan lain
- B Menyebarkan agama Islam
- C Berdagang dengan kerajaan lain
- D Bersahabat dengan kerajaan lain

- 15 Selepas kedatangan Islam, tulisan Jawi mudah diterima oleh masyarakat Melayu.

Apakah faktor yang menyumbang kepada penerimaan tersebut?

- A Senang difahami dan dipelajari
- B Galakan pembesar-pembesar Melayu
- C Mudah dikuasai berbanding bahasa lain
- D Mudah disesuaikan dengan tulisan Melayu


- 16 Jadual berikut merujuk kepada sistem timbangan di Melaka pada abad ke-15.

Sistem timbangan	Jenis barangan
Tahil dan kati	Emas
Bahara	X

Apakah X?

- A Perak
- B Batu permata
- C Bunga lawang
- D Bahan wangian

- 17 Rajah berikut menunjukkan perubahan dalam penggunaan bahan dalam pembinaan rel kereta api semasa berlakunya revolusi pertanian dan perindustrian.



Apakah faktor penyumbang kepada perubahan tersebut?

- A Kegiatan ekonomi
- B Kecekalan pemodal
- C Galakan pemerintah
- D Kemudahan bahan mentah

1249/1

SULIT

- 18 Maklumat berikut menunjukkan dasar British di tanah jajahan pada abad ke-19.

- Kegiatan ekonomi peribumi distrukturkan
- Kegiatan penanaman getah dan perlombongan bijih timah dikomersialkan

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat tentang dasar tersebut?

- A Mempelbagaikan sumber pendapatan negara
 - B Menggalakkan pembangunan ekonomi negara
 - C Meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan
 - D Memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan
- 19 Senarai berikut merujuk kepada sistem yang dilaksanakan di Tanah Melayu pada kurun ke-19 dan 20.

- Sistem Kontrak
- Sistem Kangani
- Sistem Tiket Kredit

Sistem tersebut berkaitan dengan...

- A pendidikan
 - B perburuhan
 - C perdagangan
 - D perlombongan
- 20 Senarai berikut menunjukkan jenis-jenis insurans yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Harta
- Maritim
- Kebakaran

Apakah kesan pengenalan insurans tersebut?

- A Pengangkutan moden dibina
- B Perlombongan dipelbagaikan
- C Pertanian ladang diperkenalkan
- D Perdagangan antarabangsa meningkat

- 21 Rajah berikut menunjukkan perubahan barang keperluan negara Eropah yang mendorong imperialisme di Asia Tenggara.



Apakah peristiwa yang dikaitkan dengan perubahan tersebut?

- A Kespesatan perindustrian
 - B Keruntuhan sistem feodal
 - C Kejayaan penerokaan wilayah
 - D Kemunculan sistem birokrasi moden
- 22 Jadual berikut menunjukkan sistem ekonomi yang diperkenalkan oleh penjajah di tanah jajahan di Asia Tenggara.

Negara	Sistem ekonomi
Filipina	Sistem Polo
Indonesia	Sistem Tanaman Paksa

Apakah persamaan sistem ekonomi tersebut?


- A Kemasukan ramai imigran
 - B Menindas penduduk peribumi
 - C Penggunaan kaedah tradisional
 - D Penguasaan golongan bangsawan
- 23 Jadual berikut menunjukkan pemimpin tempatan yang menentang British di Tanah Melayu.

Tokoh	Tempat
Tok Janggut	Kelantan
Dato' Bahaman	Pahang

Mengapakah berlaku penentangan tersebut?

- A Pelucutan jawatan
- B Pertikaian sempadan
- C Penolakan sistem cukai
- D Penghapusan penempatan rakyat

24. Apakah kepentingan novel berikut kepada generasi muda pada awal abad ke-20?



- A Menaikkan semangat kebangsaan
 B Menggalakkan budaya membaca
 C Meningkatkan ilmu pengetahuan
 D Mengukuhkan nilai agama
25. Kesedaran berpersatuan di Sabah tidak menonjol berbanding dengan Sarawak.

Mengapakah berlaku sedemikian?

- A Keahlian terhad kepada pegawai kerajaan
 B Kegiatan berpersatuan kurang diminati
 C Kesulitan sistem perhubungan
 D Kekurangan sokongan
26. Jadual berikut menunjukkan Sistem Jemaah Menteri Kelantan.

Jawatan	Tugas
Jemaah Menteri Luar	Menguruskan dasar luar
Jemaah Menteri Istana	Menguruskan istiadat diraja
Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah	X

Antara X?

- A Menjaga keamanan
 B Menjaga harta benda
 C Membangunkan negeri
 D Mengukuhkan pertahanan

SULIT

10


1249/1

- 27 Perbilangan berikut menerangkan sistem pemerintahan mengikut Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Alam beraja Luak berpenghulu Suku berlembaga Anak buah berbuapak

Sistem pemerintahan tersebut mempunyai unsur...

- A diktator
 B autokrasi
 C aristokrasi
 D demokrasi
- 28 Rajah berikut menerangkan sebab Parti Kebangsaan Melayu Malaya(PKMM) menyokong Malayan Union.



Apakah X?

- A Mempertahankan institusi raja
 B Melaksanakan konsep Melayu Raya
 C Mengembalikan kuasa pembesar Melayu
 D Mengekalkan hak istimewa orang Melayu
- 29 Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British sebagai tanah jajahan mahkota pada 1 Julai 1946.

Mengapakah beliau bertindak sedemikian?

- A Bertepatan dengan Perlembagaan
 B Desakan pemimpin bumiputera Sarawak
 C Mengekalkan kemakmuran Sarawak
 D Keuzuran untuk memimpin

- 30 Apakah hasil perundingan yang diadakan antara pemimpin Tanah Melayu dengan kerajaan British berikut?

Rundingan Kemerdekaan	
Ketua	Tunku Abdul Rahman
Tarikh	18 Januari hingga 8 Februari 1956
Tempat	London

- I Penubuhan Malaysia
 II Pemberian kemerdekaan
 III Pembentukan suruhanjaya bebas
 IV Pelaksanaan pilihan raya umum
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 31 Rajah berikut menunjukkan tokoh yang terlibat dalam usaha mendapatkan kemerdekaan negara kita.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tunku Abdul Rahman • Tun H.S.Lee • Tun V.T.Sambanthan |
|---|

Apakah nilai yang menjadi pegangan perjuangan tokoh tersebut?

- A Kejujuran
 B Kerjasama
 C Ketabahan
 D Keberanian
- 32 Apakah idea yang dicadangkan oleh tokoh-tokoh berikut?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lord Brassey • Dato' Onn Ja'afar • Sir Malcolm MacDonald |
|--|


- A Pembentukan Malaysia
 B Pelaksanaan pilihan raya
 C Penubuhan Parti Perikatan
 D Penggubalan perlembagaan negara

- 33 Mengapakah tokoh berikut menentang gagasan Malaysia?

A.M.Azahari daripada Parti Rakyat Brunei membentang usul menentang gagasan Malaysia di Majlis Undangan Negeri Brunei

- A Rundingan dengan rakyat ditolak
 B Hasrat menyatukan Brunei dengan Indonesia
 C Hasrat menubuhkan Persekutuan Borneo
 D Bimbang ekonomi terjejas


- 34 Maklumat berikut menunjukkan komponen Parlimen dalam sistem pemerintahan Malaysia.



Apakah peranan Parlimen?

- A Mentafsir Perlembagaan
 B Membuat dasar kerajaan
 C Menggubal undang-undang
 D Melindungi hak asasi rakyat

- 35 Rajah berikut menunjukkan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya di negara kita.



Apakah X?

- A Mengadakan kempen
 B Mengadakan pungutan suara
 C Menentukan sempadan bahagian
 D Menjalankan perundingan antara parti

36 Manakah pasangan yang betul berkaitan dengan peranan agensi berikut?

	Agensi	Peranan
A	Permodalan Nasional Berhad (PNB)	Mengimbangi saham kaum bumiputera dengan bukan bumiputera
B	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Memasarkan hasil pertanian luar bandar
C	Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	Menggalakkan kegiatan koperasi di kalangan petani
D	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)	Mengiatkan perkembangan perindustrian berat negara

37 Dialog di bawah mungkin berkaitan dengan peristiwa sejarah negara pada tahun 1969 hingga 1970.

Muthu : Benarkah pada tahun 1969, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mengambil alih pentadbiran negara?

Amir : Ya, pentadbiran MAGERAN kemudiannya memperkenalkan Rukun Negara.

Mengapakah Rukun Negara diperkenalkan?

- A Membasmi kemiskinan rakyat
- B Membina masyarakat makmur
- C Melicinkan pentadbiran negara
- D Memelihara corak hidup demokratik

38 Maklumat berikut berkaitan dengan cadangan sebuah Laporan Pelajaran.

Laporan	Ciri-ciri
X	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan sekolah umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu • Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah

Apakah X?

- A Penyata Razak
- B Laporan Fenn Wu
- C Penyata Rahman Talib
- D Ordinan pelajaran

SULIT

14

1249/1

39 Mengapakah Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan pada tahun 1980-an?

- A Memperkenalkan industri berat negara
- B Menggalakkan misi perdagangan antarabangsa
- C Mengamalkan etika pengurusan kerja yang baik
- D Mengurangkan pergantungan kepada dunia luar

40 Apakah tujuan sekolah wawasan berikut diwujudkan?



- A Membudayakan kehidupan teknologi
- B Mewujudkan masyarakat yang maju
- C Melahirkan pelajar yang kreatif
- D Memupuk perpaduan murid

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1249/2

Nama :

Tingkatan :



**JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

1249/2

Sejarah
Kertas 2
Sept 2009

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B.***

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

|Lihat sebelah

SULIT

2

1249/2

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan.

1 Jadual berikut menunjukkan bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara.

Bentuk kerajaan	Contoh kerajaan
Kerajaan Agraria	Funan dan Angkor
Kerajaan Maritim	Srivijaya dan Kedah Tua

(a) Nyatakan lokasi pembentukan kerajaan berikut:

(i) Kerajaan agraria

_____ [1 markah]

(ii) Kerajaan maritim

_____ [1 markah]

(b) Senaraikan dua kegiatan masyarakat agraria.

(i) _____

(ii) _____ [2 markah]

(c) Apakah faktor kemajuan kerajaan agraria?

(i) _____

(ii) _____ [2 markah]

(d) Kedah Tua dan Srivijaya merupakan antara kerajaan Melayu maritim yang terunggul di Asia Tenggara.

Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan-kerajaan tersebut berjaya mencapai kegemilangannya?

(i) _____

(ii) _____ [2 markah]

(e) Mengapakah kerajaan maritim menjalin hubungan dengan kerajaan agraria?

(i) _____

(ii) _____ [2 markah]

1249/2


[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

3

1249/2

- 2 Rajah berikut menunjukkan sistem pendidikan masyarakat Melayu selepas menerima pengaruh Islam.




- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan,
- (i) pendidikan tidak formal
- _____ [1 markah]
- (ii) pendidikan formal
- _____ [1 markah]
- (b) Bagaimanakah pendidikan tidak formal disalurkan kepada kanak-kanak dalam masyarakat Melayu?
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (c) Nyatakan dua kemahiran yang diterapkan melalui pendidikan tidak formal.
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (d) Di manakah pendidikan formal dijalankan selepas kedatangan Islam?
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (e) Pendidikan tidak formal kurang diberi tumpuan oleh masyarakat kini.
- Pada pandangan anda, apakah kesannya terhadap kehidupan masyarakat sekarang?
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]

1249/2

|Lihat sebelah
SULIT

3. Garis masa berikut menunjukkan usaha Parti Perikatan untuk mendapatkan kemerdekaan negara.



- (a) Namakan parti komponen yang menganggotai Parti Perikatan pada tahun 1955.
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (b) Jelaskan kandungan manifesto Parti Perikatan dalam menghadapi pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (c) Jelaskan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (d) Apakah isu yang menjadi panduan kepada Suruhanjaya Reid untuk menggubal Perlembagaan Kemerdekaan 1957?
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]
- (e) Berikan tiga iktibar daripada usaha Parti Perikatan untuk mencapai kemerdekaan negara.
- (i) _____
- (ii) _____ [2 markah]

SULIT

5

1249/2

- 4 Senarai berikut menunjukkan pihak-pihak yang terlibat dalam pilihan raya. Pilihan raya di negara kita terdiri daripada pilihan raya umum dan pilihan raya kecil..

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) • Pengundi • Calon |
|---|

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'pilihan raya kecil'?

_____ [1 markah]

- (b) Nyatakan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

- (i) _____
 (ii) _____

[2 markah]

- (c) Apakah syarat-syarat untuk menjadi pengundi?

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____

[3 markah]

- (d) Mengapakah negara kita mengadakan pilihan raya?

_____ [1 markah]

- (e) Sekiranya anda menjadi seorang pengundi, apakah kriteria seorang calon yang akan menjadi pilihan anda?

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____

[3 markah]

1249/2

|Lihat sebelah
SULIT

SULIT

6

1249/2


Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Kerajaan Islam Umayyah dan Abbasiyah telah memberi sumbangan penting kepada perkembangan peradaban dunia.
- (a) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah dalam pelbagai bidang kepada peradaban manusia.
[10 markah]
- (b) Jelaskan peranan kerajaan Bani Abbasiyah dalam aspek kegemilangan keilmuan.
[6 markah]
- (c) Berikan cadangan anda, bagaimanakah dapat menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu?
[4 markah]
- 6 Pada abad ke-16 kuasa-kuasa Eropah seperti Portugal dan Sepanyol telah mula menjelajah kawasan luar Eropah.
- (a) Apakah faktor-faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang Eropah?
[6 markah]
- (b) Jelaskan kesan penerokaan dan penjelajahan kuasa Eropah kepada masyarakat setempat.
[10 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda Malaysia patut meneroka dunia luar?
[4 markah]

- 7 Rajah berikut berkaitan dengan kesan penjajahan kuasa Barat di Asia Tenggara.



- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan kesan pengenalan birokrasi Barat terhadap pentadbiran di Asia Tenggara.
[6 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor kemunculan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.
[10 markah]
- (c) Walaupun Malaysia telah bebas daripada penjajahan, sifat-sifat seorang nasionalis perlu ada pada setiap warganegara Malaysia.

Pada pandangan anda, apakah sifat-sifat tersebut?

[4 markah]

1249/2

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

7

1249/2

- 8 Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 merupakan asas pembinaan negara dan bangsa di negara kita. Pada abad ke-20 konsep 'bangsa Malaysia' diperkenalkan.
- (a) Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [8 markah]
- (b) Jelaskan keistimewaan sistem pentadbiran kerajaan Melayu berikut:
- (i) Kelantan [4 markah]
- (ii) Negeri Sembilan [4 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan usaha-usaha kerajaan bagi membentuk 'bangsa Malaysia' sehingga kini. [4 markah]
- 9 Malaysia mengamalkan dasar luar terbaik-baik dengan semua negara.
- (a) Jelaskan kepentingan Malaysia melaksanakan hubungan luar. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (c) Jelaskan peranan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa berikut:
- (i) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) [4 markah]
- (ii) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/2

SULIT